

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Sasar pendapatan kasar minimum RM5,270 • MUKA 2

Kerajaan komited memajukan sektor pekebun kecil • MUKA 3



Datuk Seri Mah Siew Keong bersalaman dengan kakitangan MPIC diiringi Datuk Datu Nasrun Mansur dan Datuk M Nagarajan.

Datuk Seri Mah, Datuk Datu Nasrun lapor diri di MPIC

➔ Perlantikan Menteri, Timbalan susulan rombakan Kabinet baharu

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mposb.gov.my

Putrajaya

Datuk Seri Mah Siew Keong, yang baru dilantik sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, melapor

diri ke kementeriannya di sini pada 28 Jun 2016. Turut serta adalah Timbalan beliau, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur.

Pelantikan Datuk Seri Mah dan Datuk Nasrun adalah susulan rombakan Kabinet yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada 27 Jun 2016.

Kehadiran kedua mereka di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) disambut meriah oleh kakitangan kementerian diketuai Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M Nagarajan.

Mengenai perlantikan beliau, Datuk Seri Mah yang juga Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia, berkata ia adalah satu keistimewaan dan tanggungjawab yang besar untuk mengambil

alih peranan baru sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana mempunyai keyakinan ke atas dirinya.

Lakukan yang terbaik

“Saya akan melakukan yang terbaik untuk sektor perladangan dan komoditi di Malaysia serta melihat ke depan untuk memikul peranan yang baru ini.

“Saya sedar bahawa ia bukan satu tugas yang mudah, tetapi saya bersedia dan akan melaukan yang terbaik,” kata Mah dalam satu kenyataan.

Ahli Parlimen Teluk Intan itu turut berkata dalam masa yang terdekat, beliau akan mengum-

pul pasukannya dan mendengar nasihat serta taklimat daripada semua pihak untuk bersama-sama memajukan industri perladangan dan komoditi.

“Saya sedar akan perlantikan saya yang datang bersama dengan tanggungjawab yang besar, saya berjanji akan memberikan yang terbaik,” katanya.

Sementara itu Datuk Datu Nasrun, yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, turut memanjangkan rasa penghargaan kepada Perdana Menteri di atas keyakinan yang diberikan untuk memikul tanggungjawab baru itu.

“Saya amat menghargai kepercayaan yang diberi dengan pelantikan ini,” katanya yang juga Ahli Parlimen Silam.



MPOB mengucapkan

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir dan Batin kepada semua pembaca Berita Sawit



Industri sawit negara merupakan industri yang amat mengagumkan. Semenjak saya mula berkhidmat dengan MPOB (pada waktu itu masih Palm Oil Research Institute of Malaysia, PORIM) pada awal tahun 80an, industri sawit telah berkembang dengan begitu pesat. Pada waktu itu, jumlah kawasan tanaman (pada tahun 1980) hanya 1 juta hektar. Pada tahun 2015, kawasan tanaman telah mencapai 5.6 juta hektar.

Tanggungjawab MPOB, sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi adalah amat berat. Di samping menghasilkan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menyokong pembangunan industri, MPOB juga berperanan mengawal selia industri melalui undang-undang dan peraturan MPOB bagi memastikan segala pembangunan dan operasi industri adalah teratur dan mengikut undang-undang.

Dari segi R&D, MPOB berjaya menghasilkan 608 teknologi baru di mana 30% telah berjaya dikomersialkan. Ini telah membantu dalam pembangunan industri sawit.

Bidang dan jenis R&D begitu luas. Misalnya bagi meningkatkan produktiviti, R&D dijalankan atas bahan tanaman, baja, amalan pertanian terbaik, penyakit dan makhluk perosak, tanaman dan ternakan berintegrasi, jentera ladang, jentera pengilangan dan lain-lain. Bagi tambah nilai, penyelidikan dilakukan bagi menghasilkan produk dari biojism sawit, produk makanan, fitonutrien, produk oleokimia, biodiesel dan lain-lain.

Antara kejayaan pengkomersialan MPOB adalah pembinaan kilang berasaskan teknologi pengeluaran biodiesel MPOB di Malaysia, Negara Thai, Korea Selatan dan Colombia. Ini juga telah menjadi pemangkin kepada pelaksanaan program B7 biodiesel sawit di seluruh negara iaitu adun 7% biodiesel dan 93% diesel petroleum. Program ini telah berjaya mengurangkan stok minyak sawit dan seterusnya memperkuatkan harga minyak sawit.

MPOB sering menggalakkan pegawaiannya berkonsep hasil penyelidikan dalam penerbitan berimpak tinggi. MPOB menikmati pengiktirafan antarabangsa apabila berjaya menerbitkan empat kertas kerja hasil penyelidikan genom berturut-turut dari tahun 2013 hingga 2015 dalam jurnal Nature, salah satu jurnal saintifik yang paling ulung di dunia. Ini adalah satu pencapaian yang tidak pernah berlaku sebelum ini di kalangan saintis Malaysia dan mengharumkan nama MPOB di persada dunia.

Di samping itu, terdapat banyak jenis penyelidikan yang tidak menghasilkan produk tetapi hasil R&D sangat penting untuk mempromosi dari mempertahankan imej minyak sawit. Misalnya, lebih 200 projek penyelidikan dijalankan dalam bidang pemakanan yang membuktikan bahawa minyak sawit tidak memudaratkan kesihatan bahkan ia punya khasiat dan ciri kesihatan setanding minyak zaitun. Ini memastikan bahawa minyak sawit terus diterima sebagai bahan makanan di seluruh dunia.

Dari segi kemampuan sawit, penyelidikan penilaian kitaran hayat (life cycle assessment) penting untuk menilai dan memperbaiki prestasi sawit dari segi kelestarian alam sekitar.

Baru-baru ini, terdapat isu kontaminasi minyak sayuran oleh 3-MCPD ester dan glycidyl ester dan ini memerlukan tindakan daripada MPOB bagi menanganinya. Satu forum telah diadakan pada 1 Julai 2016 bagi membincangkan isu ini. Penyelidikan dalam isu ini, walaupun tidak menghasilkan produk baharu adalah penting demi memastikan minyak sawit terus diterima sebagai produk yang selamat digunakan.

Sungguhpun industri sawit penuh dengan cabaran, tetapi saya yakin bahawa ia merupakan industri yang masih berpotensi dan berdaya saing. Walau bagaimanapun usaha-usaha R&D mesti diteruskan untuk mengatasi cabaran serta membuka peluang dalam bidang pertumbuhan baharu berasaskan sawit. Cabaran yang utama sekarang ialah masalah kekurangan tenaga kerja, isu kemampuan sawit dan isu produktiviti. Cabaran ini mesti ditangani dengan baik melalui R&D yang berkesan bagi menjamin kesejahteraan industri sawit negara.

Saya amat bernasib baik kerana mendapat peluang untuk berkhidmat bagi Kerajaan dan industri sawit hampir keseluruhan tempoh kerjaya saya. Dalam kesibukan pelaksanaan tugas, kita sering tidak kesedaran lalu masa, dan sudah sampai di penghujung perkhidmatan.

Saya amat sedih bersara sebagai Ketua Pengarah MPOB mulai 4 Julai 2016 nanti. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak, baik dari Kerajaan, mahupun dari industri yang telah memberi sokongan, dorongan dan bimbingan kepada saya, terutama mereka yang telah memberi peluang kepada saya untuk berjuang bersama-sama bagi kemajuan industri sawit negara.

Tidak lupa juga penghargaan atas sokongan, sumbangan dan khidmat bakti warga MPOB. Sungguhpun saya bersara dari MPOB tetapi hati saya masih dengan industri sawit dan saya akan terus memberi sumbangan sekiranya diperlukan oleh Kerajaan atau industri sawit.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menuaikan ibadah puasa dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang beragama Islam. Maaf zahir dan batin.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB



Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri yang sebelum ini memangku jawatan Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi memukul gong sebagai simbolik perasmian Program Hello Komoditi di Sungai Besar.

Sasar pendapatan kasar minimum RM5,270

➔ Kerajaan salur bantuan, insentif bantu pekebun kecil tingkat produktiviti

Oleh Fadzil Ghazali
fadzilg@mpop.gov.my

► Sungai Besar

Sungai Besar: Kerajaan mensasarkan pendapatan kasar bulanan minimum sekurang-kurangnya sebanyak RM5,270 untuk setiap pekebun kecil komoditi di seluruh negara menjelang 2020.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sebelum ini memangku Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Nancy Shukri, berkata bagi mencapai sasaran itu, pelbagai bantuan dan insentif disalurkan kerajaan bagi membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti serta pendapatan mereka meliputi pelbagai jenis komoditi.

“Ini termasuk bantuan di bawah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) yang turut memanfaatkan 131 pekebun kecil dalam daerah Sabak Bernam,” kata beliau semasa merasmikan Program Hello Komoditi Sungai Besar di sini baru-baru ini.

TSSPK ditawarkan kepada pekebun kecil sawit melalui Lemba Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Mereka yang layak akan mendapat nilai siling bantuan tidak melebihi RM7,500 sehektar di Semenanjung dan

RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak untuk membiayai kos-kos termasuk penyediaan tanah, anak benih berkualiti, baja dan racun perosak.

Bantuan lain untuk pekebun kecil sawit oleh MPOB termasuk Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK); Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK); Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil (SBSPK); dan Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC).

Bantuan tak lebih RM7,500 sehektar

TBSPK diberikan kepada pekebun kecil yang membuka kawasan baru sawit. Nilai siling bantuan tidak melebihi RM7,500 sehektar (Semenanjung) dan RM9,000 sehektar untuk Sabah dan Sarawak bagi membiayai kos seperti penyediaan tanah, pembelian anak benih sawit berkualiti, baja dan racun perosak.

BPK pula bertujuan membantu pekebun kecil yang melaksanakan tanam semula sawit menyara hidup sementara. Mereka yang layak akan menerima bantuan berjumlah RM500 sebulan bagi tempoh 24 bulan.

SBSPK adalah bantuan baja

“*Saya yakin sektor komoditi akan terus memainkan peranan penting sebagai salah satu tonggak utama ekonomi negara*”

Nancy Shukri,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

untuk pekebun kecil yang tidak menerima bantuan di bawah TSSPK dan TBSPK. Bekalan bahan sebatian ditentukan jenisnya oleh MPOB untuk pokok sawit dengan nilai tidak melebihi RM3,000 sehektar dalam tempoh dua tahun.

Nancy juga berkata, seramai 23,863 pekebun kecil di Selangor mengusahakan tanaman komoditi yang meliputi kawasan seluas 48,685 hektar terutama dalam penanaman sawit dan getah.

Katanya, di Sungai Besar terdapat 3,127 pekebun kecil sawit persendirian yang mengusahakan ladang sawit seluas 5,861 hektar.

“Saya yakin sektor komoditi akan terus memainkan peranan penting sebagai salah satu tonggak utama ekonomi negara di samping menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada pengusaha tanaman komoditi,” katanya.

Sebagai langkah membantu pekebun kecil dalam menjual hasil tuaian mereka, pihak kerajaan turut membina jalan ladang.

Nancy berkata, RM1.8 juta di peruntukkan bagi melaksanakan sembilan projek jalan ladang dalam kawasan Sungai Besar untuk tahun ini.

Katanya, dua projek jalan ladang disiapkan sepenuhnya di kawasan Parlimen Sungai Besar membabitkan perbelanjaan RM375,909 tahun lalu.

“Sudah tentu kemudahan disediakan seperti ini dapat memberi manfaat kepada pekebun kecil komoditi dalam meningkatkan aktiviti ekonomi dan menjana pendapatan seterusnya meningkatkan taraf hidup masing-masing,” katanya.

Kerajaan komited memajukan sektor pekebun kecil

→ Sedia pelbagai bantuan, insentif meliputi semua jenis komoditi

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

■ Kuala Kangsar

Kerajaan sentiasa komited untuk memajukan sektor pekebun kecil melalui peningkatan pendapatan dan taraf sosioekonomi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang memangku jawatan Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Nancy Shukri ketika berucap pada majlis perasmian Program Hello Komoditi di Manong, Kuala Kangsar berkata, kerajaan akan terus memperkuuhkan pertumbuhan pembangunan ekonomi negara bagi men sejahterakan rakyat, termasuklah pekebun kecil dan pengusaha industri berdasarkan komoditi.

Katanya, bagi terus membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti dan pendapatan, pelbagai bantuan dan insentif disediakan oleh kerajaan meliputi semua jenis komoditi, iaitu sawit, getah, koko, lada dan kenaf.

Beliau berkata, kerajaan juga sentiasa berusaha membantu pekebun kecil meningkatkan pro-



Nancy Shukri ketika berucap **merasmikan program Hello Komoditi** di Kuala Kangsar, Perak.

duktiviti pengeluaran, contohnya melalui penggunaan teknologi baharu dalam penanaman dan penyelenggaraan kebun.

“Di Kuala Kangsar, seramai 109 orang pekebun kecil sawit menerima bantuan di bawah Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dengan keluasan tanaman 209.7 hektar, manakala 37 orang pekebun kecil sawit menerima bantuan di bawah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil

“*Seramai 109 orang pekebun kecil sawit menerima bantuan Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil”*

Nancy Shukri,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(TSSPK) dengan keluasan tanaman berjumlah 97.92 hektar,” katanya.

Prihatin majukan taraf sosioekonomi

Menurut Nancy, pelbagai bantuan yang disediakan kerajaan mencerminkan keprihatinan kepimpinan negara untuk memajukan taraf sosioekonomi pekebun kecil komoditi di negara ini.

“Saya percaya MPIC mampu melonjakkan pembangunan sek-

tor komoditi ke tahap yang lebih cemerlang. Dengan langkah transformasi sektor komoditi yang sedang diusahakan, saya yakin bahawa sektor komoditi negara akan kekal kompetitif serta mampu dalam jangka masa panjang,” katanya.

Beliau juga menyeru pekebun kecil merebut peluang disediakan kerajaan dalam memajukan bidang-bidang masing-masing.

Program Hello Komoditi Kuala Kangsar dianjurkan oleh Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi (MPIC) dengan kerjasama agensi di bawahnya termasuk Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LTKN).

Lebih 600 pekebun kecil getah dan sawit serta penduduk setempat hadir pada Program Hello Komoditi yang julung kali diadakan di sini.

Program ini menyediakan ruang dan peluang kepada orang ramai bagi menceburkan diri dalam sektor perlادangan dan komoditi.

Di samping itu, pekebun kecil dan pengusaha akan dapat menyaksikan sendiri perkembangan dan kemajuan terkini dalam sektor perlادangan dan komoditi di negara ini.

Hello Komoditi Kuala Kangsar turut dihadiri bekas Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas; Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M Nagarajan; Pengurus LGM, Datuk Sri Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah; Pengurus LKM, Datuk Dr Marais Makin Mojigoh; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May; Ketua Pengarah LGM, Datuk Dr Mohd Akhbar Md Said dan Ketua Pengarah MTIB, Dr Jalaludin Harun.

MPOB meterai perjanjian dengan dua syarikat

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi: Dua perjanjian bagi mengeluar dan mengkomersialkan teknologi serta produk hasil penyelidikan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dimeterai dengan dua syarikat tempatan di sini, baru-baru ini.

Majlis pertukaran dokumen perjanjian di antara MPOB dengan dua syarikat berkaitan itu disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sebelum ini memangku jawatan Menteri Perusahaan Perlادangan dan Ko-

moditi, Nancy Shukri sempena Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi 2016.

Dua syarikat terbabit ialah TRP Technologies (M) Sdn Bhd dan Husqvarna Malaysia Sdn Bhd.

Pada majlis itu, MPOB diwakili Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May.

Perjanjian pertama adalah dengan TRP Technologies Sdn Bhd adalah bagi pengkomersialan teknologi MPOB bagi mengeluar dan memasarkan alat pemotong tandan sawit bermotor atau CANTAS.

Di bawah perjanjian ini TRP Technologies Sdn Bhd akan mengeluar dan memasarkan produk hasil teknologi MPOB yang telah dipaten di samping mendapatkan pensijilan berkaitan produk ma-

kanan daripada badan berkaitan.

TRP Technologies Sdn Bhd diwakili oleh Pengarah Urusannya, A Tiruselvan manakala Husqvarna Malaysia Sdn Bhd diwakili oleh Pengarhanya, Glenn Watman.

Perjanjian kedua adalah antara MPOB dan Husqvarna Malaysia Sdn Bhd berkaitan pengkomersialan teknologi MPOB bagi mengeluar dan memasarkan alat pemotong tandan sawit bermotor atau CANTAS.

Cantas telah dipaten di enam buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Indonesia, Brazil, Colombia dan Costa Rica bagi melindungi harta intelek (IP) teknologi yang dibangunkan oleh MPOB.



Nancy Shukri dan Datuk M Nagarajan menyaksikan acara **pertukaran perjanjian antara MPOB dengan Husqvarna Malaysia Sdn Bhd**.

KSU MPIC serta warga MPOB berbuka puasa

Oleh Suraya Harun
suraya@mpob.gov.my

Bangi: Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M Nagarajan meluangkan masa hadir ke Majlis Berbuka Puasa anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bersama Persatuan Kebajikan Kaitangan Islam MPOB (PKKIM) yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB, di sini.

Majlis yang diadakan di Dataran Pusat Al-Hidayah MPOB turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May; Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr Ahmad Kushairi Din; Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Mohamad Nor Abdul Rahman; dan Timbalan Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sagu MPIC, Norhana Abd Majid.

Erat silaturahim warga kerja MPOB

Majlis dianjurkan secara tahunan itu bertujuan mengeratkan silaturahim di kalangan warga kerja MPOB.

Majlis yang dihadiri lebih 600 kakitangan MPOB bersama ahli keluarga masing-masing itu turut menyaksikan pemberian sumbangan kepada anak yatim MPOB oleh Dr Ahmad Kushairi Din.



Datuk M Nagarajan disambut kakitangan ketika hadir ke Majlis Berbuka Puasa MPOB dan PKKIM di Ibu Pejabat MPOB, di Bangi.

MPOB, BH anjur program CSR

» *Semarak Ramadan ringan beban golongan memerlukan menjelang Aidilfitri*

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Kuala Kangsar

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Berita Harian (BH), menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) sempena Ramadan buat julung kalinya di sini, baru-baru ini.

Program dikenali sebagai Semarak Ramadan itu diadakan di Masjid Al-Mukhlisin, Kampung Guar, Manong, Kuala Kangsar dan turut dihadiri Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datin Mastura Tan Sri Dato' Mohd Yazid.

Datin Mastura ketika berucap pada majlis itu berkata, penganjuran program Semarak Ramadan bertujuan berbakti kepada masyarakat sempena bulan mulia ini.

Terima sumbangan

Katanya, masyarakat yang kurang bernasib baik akan menerima sumbangan bagi meringankan beban mereka menjelang sambutan Aidilfitri.

“Peluang ini diambil pihak



Datin Mastura menyampaikan sumbangan kepada ibu tunggal sempena Semarak Ramadan di Masjid Al-Mukhlisin, Kampung Guar, Kuala Kangsar, baru-baru ini.

“Pihak MPOB ambil peluang menjalankan aktiviti CSR bagi mengeratkan silaturahim dengan penduduk tempatan sempena bulan mulia ini”

Datin Mastura Tan Sri Dato' Mohd Yazid,
Ahli Parlimen Kuala Kangsar

MPOB untuk menjalankan aktiviti CSR bagi mengeratkan silaturahim dengan penduduk tempatan,” katanya.

Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Mohamad Nor Abdul Rahman pula berkata, majlis berkenaan dirancang MPOB dan BH dengan Allahyarham Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad sebelum ini.

Komitid teruskan program
“Walaupun beliau telah tiada, MPOB tetap komited meneruskan penganjuran program dirancang dan dipersetujui lebih awal,” katanya.

Pada majlis berkenaan seramai 100 anak yatim dan golongan kurang berkemampuan

an menerima sumbangan daripada MPOB dan BH.

Majlis turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Manong, Mohd Kamil Shafie; ADUN Bukit Chandan, Maslin Sham Razman; dan Pengarang Eksekutif Berita, Rencana dan Digital BH, Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

Terdahulu, bagi menjayakan program itu, warga MPOB dan BH turut bergotong-royong bersama kariah Masjid Al-Mukhlisin dan penduduk kampung bagi menyediakan bubur lambuk, juadah berbuka puasa dan moreh.

Kakitangan MPOB dan BH turut mengedarkan bubur lambuk kepada penduduk di sekitar Pekan Manong.

Datuk Dr Choo dijemput berucap di Asia Energy Cooperation Forum

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

Chongqing: Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May atas jemputan Kerajaan China, menyampaikan ucapan bertajuk *Palm Oil: A Source of Renewable Energy Towards Environmental Sustainability* di Asia Energy Cooperation Forum di Wyndham Chongqing Yuelai Hotel, Chongqing, China, pada 27 Jun lalu.

Forum bertemakan *New Opportunities and Challenges for Asia Energy Cooperation* adalah forum tenaga anjuran Kerajaan China yang berprestij.

Antara kementerian dan jabatan

China yang terbabit dalam penganjuran forum ini termasuk Kementerian Luar Negeri, China; People's Government of Chongqing Municipality; National Administration of Energy, China dan China Institute of International Studies (CIS).

Seramai 100 wakil dari 20 negara Asia termasuk ketua jabatan, kapten industri, pakar polisi tenaga menghadiri forum ini.

Naib Pengerusi, Chinese People's Political Consultative Conference (CPPCC) National Committee, Wang Zheng Wei, dan Datuk Bandar Chongqing, Huang Qifan merasmikan forum berkenaan sebagai tanda prihatin dan sokongan kuat kerajaan terhadap kerjasama dalam bidang tenaga.

Datuk Dr Choo dalam ucapan-

nya berkata, minyak sawit adalah pilihan tenaga boleh diperbaharui yang paling sesuai untuk mencapai matlamat kemampaman alam sekitar.

Komitid bekal minyak sawit

Katanya, Malaysia adalah laulan pelabuhan yang menghubungkan negara China ke Eropah dan Afrika. Minyak sawit sebagai komoditi utama dan produk Malaysia memainkan peranan penting dalam 21st Century Maritime Silk Road of China's Belt and Road Initiatives.

“Malaysia komited membekalkan minyak sawit berkualiti tinggi, berwibawa dan berharga kompetitif kepada negara Asia termasuk China,” katanya.



Datuk Dr Choo Yuen May ketika perbincangan panel di Asia Energy Cooperation Forum di Chongqing, China, baru-baru ini.

MPOB-Solidaridad meterai MoU promosi MSPO



Datuk Dr Choo Yuen May dan Dr Shatadru Chattopadhyay bertukar dokumen MoU yang ditandatangani.

➔ Kerjasama aktif tingkat taraf hidup pekebun kecil, promosi pensijilan MSPO

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

■ Kuala Lumpur

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Solidaridad Network Asia Ltd (Solidaridad) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan penggunaan standard Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

Solidaridad Network Asia adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang menggalakkan amalan komoditi mampan.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, berkata melalui kerjasama itu, Solidaridad akan memberi sokongan kepada syarikat minyak sawit Malaysia dalam mengenal pasti dan menangani cabaran dalam pelaksanaan kemampanan dalam rantaian bekalan minyak sawit, sambil meningkatkan taraf hidup pekebun kecil sawit.

“MoU ini menandakan permulaan kerjasama aktif yang berfungsi sebagai pemangkin agenda kemampanan industri sawit Malaysia, terutamanya pekebun kecil, dan promosi antarabangsa pensijilan MSPO,” kata beliau ketika berucap pada majlis berkenaan.

MoU itu ditandatangani Datuk Dr Choo Yuen May bagi pihak MPOB, manakala Solidaridad diwakili oleh Pengarah Serantau Asia, Dr Shatadru Chattopadhyay.

Reputasi industri sawit

Datuk Dr Choo Yuen May berkata, adalah jelas bahawa reputasi industri sawit yang mampan perlu dikenalkan dan diperkuuh kerana ia adalah kunci kepada kestabilan ekonomi, kemajuan teknikal, daya saing dan akses kepada pasaran

antarabangsa.

Katanya, pelaksanaan pensijilan MSPO adalah amat penting bagi memastikan semua itu terlaksana.

Beliau berkata, MSPO disediakan khusus untuk keperluan pekebun kecil sawit yang mengusahakan kira-kira 40 peratus daripada kawasan tanaman sawit di Malaysia, selain pengusaha ladang.

Kesungguhan kerajaan

“Pelaksanaan MSPO adalah contoh sempurna bagi menunjukkan kesungguhan kerajaan bagi memastikan penggiat berada di landasan betul menuju industri sawit mampan,” katanya.

Datuk Dr Choo Yuen May berkata, pekebun kecil akan diberi perhatian khusus dan bantuan dalam mendapatkan pensijilan MSPO itu.

Promosi MSPO akan membantu menjelaskan dakwaan daripada kalangan negara tertentu mengenai amalan penanaman sawit di negara ini.

“Pembangunan industri sawit Malaysia dikawal selia, ditubuh dan diuruskan dengan baik selain komited terhadap keperluan kemampanan, ekuiti sosial, perlindungan alam se-

kitar dan pembangunan ekonomi,” katanya.

Pengerusi Lembaga Solidaridad Network Asia Ltd, Teoh Cheng Hai berkata, jalinan kerjasama bermula dengan lawatan organisasi itu ke MPOB pada Ogos tahun lalu.

“Pada sesi dialog yang diadakan semasa lawatan, kedua-dua organisasi mendapat ada ruang bagi memulakan kerjasama dalam mempromosi amalan kemampanan industri sawit,” katanya.

Katanya, Solidaridad adalah badan yang menyokong pembangunan amalan mampan bagi pelbagai komoditi. Bagi komoditi sawit, badan itu kini bekerjasama rapat dengan pekebun kecil persendirian di Afrika.

Solidaridad juga aktif dalam membangun dan melaksanakan standard kemampanan pekebun kecil teh di Indonesia.

Katanya, MoU yang ditandatangani kedua pihak adalah permulaan bagi kerjasama ke arah pelaksanaan industri sawit mampan. Ia juga diharap akan menjadikan pekebun kecil sawit Malaysia sebagai antara penyumbang utama industri sawit negara.

MPOB terus komited lahir saintis tempatan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) terus komited melahirkan saintis dan penyelidik tempatan bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 melalui skim pembiayaan latihan serta perkongsian maklumat penyelidikan yang berterusan.

“Ia juga bagi mendokong usaha dan aspirasi kerajaan ke arah mempercepatkan pembangunan modal insan bagi menjadi sebuah negara maju,” kata Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ketika berucap merasmikan Seminar Graduate Students Assistantship Scheme (GSAS) 2016 anjuran MPOB, di sini.

Beliau berkata, sebagai sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) sejak lebih 30 tahun lalu, MPOB mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang penyelidikan berkaitan sawit.

“Sejajar dengan Program Transformasi Kerajaan, usaha bagi membangunkan modal insan untuk meningkatkan keupayaan serta ekonomi, MPOB menubuhkan GSAS yang memberi tumpuan kepada pembangunan kepakaran dalam sektor sawit,” katanya.

Beri peluang pelajar cemerlang

Beliau berkata, GSAS memberi peluang kepada pelajar cemerlang menjalani latihan dan pengajian di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran (PhD) bagi menghasilkan saintis muda dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan sawit.

“Pengetahuan dan pengalaman diperoleh pelajar ini akan membantu menyumbang kepada industri sawit Malaysia dan pembangunan modal insan,” katanya.

Melalui program GSAS itu, beliau berkata, MPOB melabur sumber penting dalam memupuk dan melahirkan saintis muda dalam pelbagai disiplin yang berkaitan R&D sawit.

“Selain bantuan kewangan dan kepakaran penyelidikan, pelajar juga mempunyai akses kepada kemudahan penyelidikan yang paling maju di MPOB. Ini adalah langkah penting untuk kita semua kerana kita bergerak ke arah memastikan pencapaian kualiti dalam semua peringkat pendidikan.



Datuk Dr Choo Yuen May berucap merasmikan Seminar GSAS di Bangi.



Santan Sawit PLUS.

Santan Sawit PLUS, inovasi MPOB hasil produk kualiti

➔ Kegunaan Santan Sawit meningkatkan rasa enak, khasiat

Oleh Mohd Saufi Awang
saufi@mpob.gov.my

Hampir 90% kegunaan minyak sawit adalah untuk penghasilan produk berdasarkan makanan seperti minyak masak, marjerin, pembuatan coklat dan santan.

Penghasilan santan daripada minyak sawit pertama kali diperkenalkan pada tahun 2008 sebagai pilihan kepada penggunaan santan kelapa. Produk Santan Sawit yang dihasilkan sedia untuk digunakan bagi masakan atau penyediaan makanan seperti cendol, masakan kari dan pencuci mulut (desserts).

Penggunaan Santan Sawit dalam penyediaan masakan mendapat sambutan

tan menggalakkan pengguna yang gemar kepada rasanya yang enak dan berkhasiat.

Santan Sawit setanding dengan santan kelapa dari segi rasa dan kegunaannya.

Keistimewaan Santan Sawit ialah kandungan lemak yang rendah, kaya dengan khasiat pemakanan seperti Vitamin E dan kekal stabil selama satu bulan pada suhu bilik iaitu 27°C.

Teknologi Santan Sawit dibangunkan MPOB telah dipaten di beberapa buah negara selain Malaysia seperti Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Beberapa syarikat tempatan mengambil peluang pengkomersialan teknologi penghasilan Santan Sawit yang dipasarkan di pasaran tempatan.

Kini, MPOB berjaya menambah baik formula dan proses penghasilan Santan Sawit sedia ada yang dinamakan Santan Sawit PLUS.

Hasil penyelidikan oleh Ketua Kumpulan Fitonutrien, Unit Pemakanan

MPOB, Dr Zaida Zainal bersama penyelidik lain, Santan Sawit PLUS dapat disimpan selama lebih 10 bulan pada suhu bilik (27 °C) di samping mengekalkan rasa yang enak dan berkhasiat.

Ini membuatkan Santan Sawit PLUS bersifat kos efektif kerana tempoh hayat simpanannya yang lebih panjang berbanding Santan Sawit komersial tanpa perlu disimpan dalam peti sejuk.

Kandungan vitamin E semula jadi terutamanya tokotrienol yang terdapat di dalam Santan Sawit PLUS membantu makanan yang disediakan menggunakan Santan Sawit PLUS juga tidak mudah menjadi rosak, basi atau tengik.

Santan Sawit PLUS yang disimpan selepas 10 bulan pada suhu bilik bebas dari pencemaran mikroba.

Teknologi penghasilan Santan Sawit PLUS telah dilancarkan semasa Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2016 pada Jun lalu dan telah dipatenkan.

Teknologi yang ditawarkan oleh

MPOB menyedia peluang pengkomersialan kepada syarikat tempatan dan usahawan industri kecil dan sederhana bagi mengkomersialkan teknologi berdasarkan sawit.

Berdasarkan unjuran ekonomi, penjualan Santan Sawit PLUS secara komersial melibatkan pelaburan sebanyak RM2.9 juta bagi penghasilan 1.2 juta kilogram produk Santan Sawit PLUS setahun.


Dengan unjuran harga jualan sebanyak RM8 sekilogram, pelaburan akan memberi pulangan sebanyak RM7.1 juta setahun dan dijangka akan memberi pulangan pelaburan dalam tempoh dua tahun.

Dengan peluang pasaran tempatan dan luar negara yang luas, syarikat tempatan dipelawa mengambil peluang mengkomersialkan teknologi Santan Sawit PLUS.

MPOB juga menyedia khidmat teknikal dan sokongan kepada usahawan yang mengkomersialkan teknologi MPOB bagi memperluaskan kegunaan produk sawit.



Santan sawit
kini popular sebagai bahan utama dalam penghasilan cendol.



11 - 12 Oktober 2016
Hotel Kinta Riverfront,
Ipoh, Perak

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT 2016

Memperkasakan Peranan, Memperjuangkan Harapan

OBJEKTIF

1. Meningkatkan kesedaran dan peranan semua pihak dalam rantai industri sawit ke arah kemampuan minyak sawit.
2. Menampaikan teknologi baru berkaitan dengan penanaman dan integrasi sawit.
3. Menyediakan ruang berinteraksi, pertukaran idea dan pengalaman antara pekebun kecil, agen pengembangan dan penyelidik.

PENDAFTARAN

Rubaah Masri / Salmah Hussin
Tel : 03-8769 4567 / 03-8769 4873
Faks : 03-8925 7549 / 03-8926 1202
E-mel : rubaah@mpob.gov.my / salma@mpob.gov.my

PERTANYAAN TEKNIKAL

Hamdan Abu Bakar
Tel : 03-8769 4551
Faks : 03-8920 2932
E-mel : ppksk2016@mpob.gov.my

Nazirah Che Jaafar / Ainul Shazwin Shahidan
Tel : 03-8769 4234 / 03-8769 4497
Faks : 03-8920 2932
E-mel : ppksk2016@mpob.gov.my



Krim paf sejuk beku.

Krim paf sejuk beku

Oleh Rafidah Abd Hamid, Wan Rosnani Awang Isa, Che Maimon Che Ha dan Abd Rahman Ibrahim

Krim paf sejuk beku dikomersialkan secara meluas terutamanya di Amerika Syarikat, negara Eropah dan Jepun. Ia adalah salah satu produk makanan sedia dimakan yang

popular di negara-negara ini.

Bagaimanapun di Malaysia, masih belum ada produk krim paf sejuk beku dihasilkan oleh pengusaha tempatan. Krim paf biasanya dihasilkan dan dijual pada hari yang sama. Ia disimpan di dalam peti sejuk dan mampu bertahan sehingga 24 jam.

Jangka hayat bahagian krim paf boleh



Krim paf sejuk beku popular di negara Barat.

dilanjutkan dengan kaedah penyekujukan. Bahagian kulit krim paf boleh disejuk beku dan akan berkeadaan baik selama 6 hingga 12 bulan jika dibungkus dalam beg plastik sejuk beku.

Produk krim paf sejuk beku

Krim paf sejuk beku yang dihasilkan oleh penyelidik MPOB ini adalah produk sedia dimakan menggunakan marjerin sawit dan kastard krim putar yang digunakan sebagai inti, adalah juga menggunakan minyak sawit.

Ia boleh diperkaya dengan pelbagai khasiat sawit seperti tokotrienol atau karotena

sebagai produk tambah nilai.

Ia boleh disimpan sejuk beku (di bawah suhu -18°C) sehingga 6 hingga 12 bulan tanpa bahan pengawet.

Inti krim paf boleh dipelbagaiarkan mengikut permintaan oleh pengguna seperti ais krim, kastard dan krim putar.

Potensi pasaran

Formulasi krim paf dan kastard krim putar berdasarkan sawit ini ditawarkan kepada pengeluar makanan sejuk beku dan bakeri seada dan baharu.

Produk ini mempunyai potensi pasaran domestik dan antarabangsa.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
www.mpob.gov.my

Sila layari www.mpob.gov.my untuk mendapatkan borang dan hantar sebelum 1 Oktober 2016

Warga MPOB digesa terus komited

→ Amal budaya integriti tinggi semasa jalankan tugas diamanah

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi

Warga kerja Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) digesa terus komited dan mengamalkan budaya integriti yang tinggi semasa menjalankan tugas diamanahkan.

Gesaan itu disuarakan Ketua Pengaruhnya, Datuk Dr Choo Yuen May ketika menyampaikan ucapan semasa pertemuannya dengan warga kerja MPOB di sini, baru-baru ini.

Katanya, komitmen tinggi dan memberi keutamaan kepada budaya integriti akan dapat meningkatkan prestasi MPOB dan kemajuan industri sawit negara.

"Pencapaian prestasi MPOB khususnya berkaitan aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D) serta kawal selia menyumbang kepada kesejahteraan industri sa-

wit," katanya.

Beliau berkata, peningkatan prestasi MPOB memerlukan komitmen yang tinggi dan usaha yang bersungguh-sungguh secara kolektif di semua peringkat.

Program berkenaan yang turut bertujuan menyampaikan maklumat terkini berhubung perkembangan dan pencapaian MPOB serta pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan dari semasa ke semasa adalah sejajar dengan saranan Ketua Setiausaha Negara iaitu bagi menransformasi perkhidmatan awam melalui konsep 'Merakyatkan Pentadbiran Awam dan Turun Padang'.

Pelaksanaan aktiviti MPOB

Datuk Dr Choo berkata, pelaksanaan aktiviti MPOB secara terancang dan cekap, serta pembabitan pihak industri membawa peningkatan prestasi industri sawit negara.

"Peningkatan prestasi industri sawit menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan pendapatan eksport produk sawit," ujar beliau.

Katanya, industri sawit negara mengalami pelbagai cabaran, antaranya persaingan negara pengluar minyak sawit, persaingan minyak sayuran lain dan lelemak dunia, harga minyak sawit yang kurang stabil berikutan kelembaban ekonomi dunia dan kempen



Datuk Dr Choo Yuen May menyampaikan kurma kepada Pengarah Bahagian MPOB sempena majlis perjumpaan dengan warga kerja MPOB.

anti minyak sawit.

"Namun kerjasama dan kesepadan tindakan daripada pelbagai pihak menyumbang kepada penyelesaian pelbagai isu di peringkat domestik dan global secara berhemah," katanya.

Pada pertemuan itu, beliau turut berkongsi pencapaian signifikan yang berjaya diperoleh MPOB.

Antaranya meliputi kejayaan pelaksanaan program tanam semula sawit, penubuhan koperasi peke-

bun kecil sawit, pertambahan bilangan ladang yang berjaya mematuhi skim pensijilan mampan, pelaksanaan program B7 di sektor pengangkutan seluruh negara dan pembinaan kilang yang mempunyai kemudahan biogas.

Beliau turut berbangga dengan pencapaian MPOB memperoleh pelbagai pengiktirafan melalui anugerah diterima di peringkat antarabangsa dan nasional.

